

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID(B)
(LUMUT)**

TARIKH : 3 NOV 2016 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status pembinaan kapal Latihan TLDM oleh Limbungan Gred One dan Littoral Combat Ship oleh Bouestead Naval Shipyard dengan memperincikan kos serta butiran kontrak kedua-dua projek berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kapal latihan pertama dijangka akan diserahkan kepada Kerajaan pada November 2016 manakala kapal latihan kedua dijangka akan diserahkan pada Mac 2017.

Manakala Kapal Littoral Combatant Ship (LCS) masih dalam pembinaan dan kapal pertama (LCS-1) dijangka diterima ke dalam perkhidmatan TLDM pada akhir tahun 2019 dan kapal terakhir (LCS-6) dijangka diterima pada akhir tahun 2023.